

RM281 juta untuk projek Lembangan Sungai Moyog

PUTATAN - Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM281 juta bagi pelaksanaan Pakej 1 dan Pakej 3 projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog bagi mengurangkan kawasan dilanda banjir di daerah Penampang dan Putatan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pelaksanaan projek berkenaan akan mengurangkan keluasan kawasan yang dilanda banjir di lembangan Sungai Moyog terutama di Kepayan, Pekan Kiba-baig, Pekan Donggongon dan Pekan Putatan.

Selain mengurangkan kekera-

pan kejadian banjir, katanya, projek yang dijangka siap pada 2020 itu juga akan meningkatkan tahap keamanan kualiti hidup bagi penduduk di kawasan berkenaan serta menyelamatkan Jalan Raya Minintod-Inanam ditenggelami air.

"Selaras dengan hasrat Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak), kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah rakyat khususnya mangsa banjir di seluruh negara termasuk Sabah," katanya pada majlis pecah tanah projek berkenaan di sini semalam.

Majlis pecah tanah itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Yahya Hussin.



YAHYA (kiri) bersama Wan Junaidi (dua dari kiri) pada majlis pecah tanah projek pembangunan lembangan Sungai Moyog di Putatan semalam.